

## PEKELILING PENDAFTAR

---

Tarikh : 14 Mac 2019

Bil.2/2019

Ruj : UMS/PEND2.1/100-1/7/2

---

### CARTA ORGANISASI UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (VERSI KETUJUH)

#### 1.0 TUJUAN

Pekeliling ini dikeluarkan bagi memaklumkan Carta Organisasi Universiti Malaysia Sabah (Versi Ketujuh).

#### 2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Carta Organisasi UMS yang digunakan sekarang adalah versi keenam (Pindaan 1/2016) yang telah diluluskan dalam Mesyuarat PBPU Kali Ke-197 (Bil.3/2016) pada 16 Mac 2016.
- 2.2 Pengemaskinian ini adalah selaras dengan penggabungan pusat / unit dan penambahan pejabat / pusat baharu yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti dan Pihak Berkuasa Pengurusan Universiti.
- 2.3 **Mesyuarat Pihak Berkuasa Pengurusan Universiti (PBPU) Bil.6/2018 – Siri II (Kali Ke-225)** yang bersidang pada **16 Januari 2019** telah bersetuju meluluskan Carta Organisasi UMS (Versi Ketujuh).

#### 3.0 PELAKSANAAN

- 3.1 Carta Organisasi ini disediakan berdasarkan fungsi dan tanggungjawab Naib Canselor mengikut Seksyen 12 (3) Perlembagaan UMS [P.U.(A)460] iaitu "Naib Canselor hendaklah menjadi ketua pegawai eksekutif dan hendaklah bertanggungjawab bagi keseluruhan fungsi pentadbiran, akademik dan pengurusan hal ehwal hari ke hari Universiti".
- 3.2 Carta Organisasi UMS (Versi Ketujuh) adalah seperti dilampiran.

#### **4.0 PEMBATALAN**

Dengan berkuat kuasa Pekeliling Pendaftar Bilangan 2 Tahun 2019 ini, maka Pekeliling Pendaftar Bil. 4 Tahun 2016 yang bertarikh 28 Mac 2016 berkenaan Carta Organisasi Universiti Malaysia Sabah (Pindaan 1/2016 - Versi Keenam) adalah terbatal.

#### **5.0 TARIKH KUAT KUASA**

5.1 Pekeliling Pendaftar ini berkuat kuasa pada **16 Januari 2019**.

Sekian, Terima Kasih.

**"BERTEKAD CEMERLANG"**

Yang ikhlas,




**VINA ZAHRIANI YUSOF**

Pendaftar

Tarikh : 14 Mac 2019

- s.k. ☞ Naib Canselor  
☞ Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
☞ Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)  
☞ Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar & Alumni)  
☞ Penolong Naib Canselor

CARTA ORGANISASI UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
(Versi Ketujuh)



Nota:  
Punca kuasa penubuhan Fakulti/ Pusat/ Institut/ Unit ialah Seksyen 24